

## Pelabur dinasihatkan bersedia hadapi pasaran saham turun naik.

*Utusan Malaysia - Bisnes (14 September 2015)*

**KUALA LUMPUR 13 Sept.-** Pelabur-pelabur dinasihatkan agar memperuntukkan sebahagian kecil portfolio bagi aktiviti jual beli runcit bagi menghadapi keadaan pasaran saham yang turun naik ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kenanga Investors Bhd. (KIB), Ismitz Matthew De Alwis berkata, para pelabur juga disaran mengambil pendekatan jangka masa panjang apabila melakukan pelaburan kerana ia dapat membantu mereka menangani ketidaktentuan dan pergolakan pasaran saham ketika ini.



"Adalah penting bagi pelabur untuk meletakkan sebahagian besar portfolio dalam dana amanah saham untuk pelaburan jangka panjang kerana ia diuruskan oleh pengurus dana profesional dan kurang berisiko jika dibandingkan dengan saham," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Munurut beliau, masalah besar bagi sesetengah pelabur adalah cepat bertindak mengikut emosi dengan menjual saham untuk terus keluar daripada pasaran.

"Kita sedia maklum pasaran saham ketika ini kurang kukuh namun jika mereka bertindak secara tergesa-gesa dengan menjual saham-saham mereka, berkemungkinan besar ia akan merugikan.

"Satu daripada prinsip pelaburan ialah untuk membeli saham semasa harga rendah dan menjualnya ketika harga tinggi dan strategi terbaik pelaburan adalah untuk tidak panik dan selalu berfikiran rasional," katanya.

Dalam pada itu Matthew berkata, jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) KIB kini berjumlah RM6.7 bilion yang kebanyakannya adalah aliran dana baharu.

Beliau berkata, KIB akan terus memberi fokus terhadap inovasi dan pembangunan produk dengan memperkenalkan beberapa lagi produk baharu antaranya dana patuh syariah.

"Selain itu kami berhasrat untuk menambah satu lagi portfolio, khususnya tiga dana teras Syariah kepada kumpulan dana OnePRS, selaras dengan strategi kami untuk menawarkan pelbagai produk yang memberi manfaat kepada pelanggan," katanya.

Article Source: **Utusan Malaysia (Bisnes)**

**UTUSAN MALAYSIA** MUKA 17  
ISNIN • 14.09.2015 *ekonomi@utusan.com.my*  
**BISNES**

**TOYOTA TAWAR AKSESORI TAMBAHAN PERCUMA** »19

**TUKARAN MATA WANG ASING** 11.09.15

POUND	6.6576/6679	RYU (100)	115.0084/2184	DOLAR	3.0510/0569
DOLAR	4.3150/3200	EURO	4.8716/8781	YEN	3.5812/5868
		RUPIAH (100)	0.0301/0.0302		

**Perbandingan iPad Pro & iPad Air 2**

RESOLUSI SKRIN: iPad Pro 2732x2048, iPad Air 2 2048x1536

PAPARAN: iPad Pro 12.9 inci, iPad Air 2 9.7 inci

iPad Pro 78% lebih besar dari iPad Air 2

Sumber: <http://www.apple.com/ipad-pro/design/>

### Pelabur dinasihatkan bersedia hadapi pasaran saham turun naik

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**  
*ekonomi@utusan.com.my*

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** - Pelabur-pelabur dinasihatkan agar memperuntukkan sebahagian kecil portfolio bagi aktiviti jual beli runcit bagi menghadapi keadaan pasaran saham yang turun naik ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kenanga Investors Bhd. (KIB), Ismitz Matthew De Alwis berkata, para pelabur juga disaran mengambil pendekatan jangka masa panjang apabila melakukan pelaburan kerana ia dapat membantu mereka menangani ketidak-tentuan dan pergolakan pasaran saham ketika ini.

"Adalah penting bagi pelabur untuk meletakkan sebahagian besar portfolio dalam dana amanah saham untuk pelaburan jangka panjang kerana ia diuruskan oleh pengurus dana profesional dan kurang berisiko jika dibandingkan dengan saham," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, masalah besar bagi sesetengah pelabur adalah cepat bertindak mengikut emosi dengan menjual saham untuk terus keluar daripada pasaran.

"Kita sedia maklum pasaran saham ketika ini kurang kukuh namun jika mereka bertindak secara tergesang-gapah dengan menjual saham-saham mereka, berkemungkinan besar ia akan merugikan.

"Satu daripada prinsip pelaburan ialah untuk membeli saham semasa harga rendah dan menjualnya ketika harga tinggi dan strategi terbaik pelaburan adalah untuk tidak panik dan selalu berfikir rasional," katanya.

Dalam pada itu Matthew berkata, jumlah aset di bawah penguasaan (AUM) KIB kini berjumlah RM6.7 bilion yang kebanyakannya adalah aliran dana baharu.

Beliau berkata, KIB akan terus memberi fokus terhadap inovasi dan pembangunan produk dengan memperkenalkan beberapa lagi produk baharu antaranya dana patuh syariah.

"Selain itu kami berhasrat untuk menambah satu lagi portfolio, khususnya tiga dana teras Syariah kepada kumpulan dana OnePFS, selaras dengan strategi kami untuk menawarkan pelbagai produk yang memberi manfaat kepada pelanggan," katanya.

**Masalah besar bagi sesetengah pelabur adalah cepat bertindak mengikut emosi dengan menjual saham untuk terus keluar daripada pasaran.**

**ISMITZ MATTHEW DE ALWIS**  
CEO Kenanga Investors